

(P)

**INTIFADAH DAN PROSES PEMBINAAN  
PERADABAN  
BANGSA PALESTIN**

**NOOR SHAHILY BINTI DAHALAAN**

**DISERTASI INI DIKEMUKAKAN BAGI  
MEMENUHI SEBAHAGIAN DARIPADA  
SYARAT MEMPEROLEHI IJAZAH SARJANA  
PENGAJIAN PERADABAN**

**FAKULTI SASTERA DAN SAINS SOSIAL  
UNIVERSITI MALAYA  
KUALA LUMPUR  
2004**

Perpustakaan Universiti Malaya



A511570197

## **PENGHARGAAN**

Segala puji bagi Allah tuhan sekelian alam. Selawat dan salam ke atas junjungan besar nabi Muhammad S.A.W serta keluarganya, para sahabat dan kepada semua muslimin dan muslimat.

Alhamdulillah, rasa kesyukuran yang tidak terhingga di panjatkan kepada Allah S.W.T kerana limpah keizinanNya maka disertasi ini dapat disiapkan dengan sekadar yang termampu.

Bagi meraikannya, penulis ingin merakamkan rasa terima kasih yang tidak terhingga buat Prof. Madya. Dr. Mohammad Redzuan Othman selaku penyelia disertasi yang telah sudi memberikan bimbingan dan tunjuk ajar disepanjang proses penulisan disertasi. Tidak dilupakan juga buat semua guru dan pensyarah yang telah banyak mencurahkan ilmu di dalam mendidik penulis.

Rasa terima kasih yang teristimewa penulis khaskan buat dua insan penting yang menjadi sumber kekuatan iaitu mak dan abah kerana telah banyak berpenat lelah serta bersusah payah untuk memastikan kejayaan dan kebahagiaan penulis. Mak dan abah, kerana dorongan serta doa kalianlan disertasi ini dapat disempurnakan. Juga buat semua anggota keluarga, abg. Emi dan kak Da, kak Uda dan Syam, Syamudin serta adik Nurul, mudah-mudahan kasih sayang di antara kita semua dapat memberi kebaikan di dunia dan akhirat. Juga tidak dilupakan buat seluruh keluarga paksu dan makcik. Buat Idham dan Aufa, perjuangan ini akan diteruskan oleh kalian.

Salam terima kasih ini juga turut diabadikan buat semua sahabat serta kawan-kawan yang sentiasa meniupkan semangat serta memberi galakan iaitu Sal, Siah, Ani, Am, Cik Di, Yam, Cik Iem dan Cik La. Juga kepada pihak JPA yang sudi menaja dan membiayai pengajian ini hanya ucapan terima kasih yang mampu dikatakan.

Akhir kata, penulis mengharapkan disertasi ini dapat memberi satu kesedaran kepada kita semua untuk turut sama menyelami penderitaan rakyat Palestin serta menyokong perjuangan mereka untuk mendapat semula tanahair mereka biarpun hanya dengan sekadar doa.

Wassalam.

Noor Shahily Binti Dahalaan  
6843 Permatang Setar  
Pinang Tunggal  
13210 Kepala Batas  
Seberang Perai  
Pulau Pinang.

Kuala Lumpur  
29 Januari 2003  
7 Zulhijjah 1424

## **Abstrak**

Disertasi ini mengupas tentang perjuangan rakyat Palestin untuk membebaskan tanahair mereka daripada cengkaman Israel melalui gerakan Intifadah. Untuk itu, terdapat empat fokus utama yang diberi penekanan iaitu pertama, melihat kenapa dan bagaimana boleh berlaku kemunculan gerakan tersebut. Kedua, mengkaji nilai-nilai peradaban Palestin yang telah hilang dan musnah di tangan Israel serta pengharapan kepada Intifadah untuk mendapatkannya kembali. Ketiga, menghuraikan bagaimana strategi serta bentuk pendekatan yang diambil oleh gerakan Intifadah di dalam proses untuk mengembalikan semula peradaban mereka dan keempat, melihat apakah realiti yang terpaksa dihadapi oleh kumpulan Intifadah di dalam usaha merealisasikan matlamat mereka. Berdasarkan pemfokusan tersebut, nyatanya kajian ini meneroka kepada satu jangka masa yang panjang dengan menyentuh hubungan Yahudi dan Palestin semenjak dari pemerintahan Turki Uthmaniah sehingga kepada masa sekarang apabila konflik terbaru di antara keduanya turut dimuatkan di dalam kajian ini. Gerakan Intifadah juga akan menjadi lebih mudah difahami apabila kajian ini turut mengupas kewujudan pertembungan peradaban Yahudi dan Palestin yang merupakan isu pokok bagi konflik di antara keduanya. Kerana itu, kajian ini turut memperlihatkan isu-isu tuntutan pengembalian peradaban bangsa Palestin adalah tunjang kepada berterusannya Intifadah. Ia juga secara tidak langsung telah menjawab persoalan mengapa gerakan Intifadah merupakan gerakan popular bagi rakyat Palestin sedangkan terdapat pelbagai usaha lain yang turut dijalankan dengan tujuan yang sama.

## **Abstrack**

This dissertation unravels the struggle of the Palestinians to free their land from the hands of the Israelis through the Intifadah movement. Thus, this paper stresses on four aspects. First, why and how this movement come to existence. Secondly, to study the lost of the Palestinians which has been destroyed by the Israelis and the hopes for Intifadah to retrieve it. Thirdly, to explain the strategy and approach taken by Intifadah in the process to retrieve their civilization and fourth, to see the reality facing the Intifadah in the efforts to realize their mission. Based on these focuses, this study takes a long course by looking at the relationship of the Jews and Palestinians since the reigning of Ottoman until now where the latest conflicts between the two are also mentioned in the study. The Intifadah movement will be better understood when this study also attempts to unravel the clash of civilization between the Jewish and Palestinians as the main issue. This study also portrays the retrieval claims of the Palestinian civilization which is the core for the continuance of the Intifadah. It has indirectly answered the question of why the Intifadah movement is a popular movement despite other efforts done for the same purpose.

## DAFTAR ISI

KANDUNGAN	HALAMAN
Penghargaan	i
Abstrak	iii
Abstrack	iv
Daftar isi	v
Senarai Kependekan	ix
Transliterasi	x
Senarai Peta	xi
Senarai Lampiran	xi
 <b>PENGENALAN</b>	
1. Latar belakang kajian	1
2. Objektif Kajian	4
3. Skop Kajian	5
4. Metodologi Kajian	5
5. Sistematika Penulisan	6
6. Kesimpulan	8
 <b>BAB PERTAMA : PALESTIN SEBELUM INTIFADAH</b>	
1.1 Pengenalan	9
1.2 Latar Belakang Sejarah Palestin	10
1.2.1 Bumi para Anbiyah	11
1.2.2 Pemusatan Kuasa di bawah Empayar Uthmaniah	12
1.2.3 Penjajahan British dan Kemasukan Yahudi	14
1.3 Perembungan Peradaban Islam dan Yahudi	17
1.3.1 Wilayah	17
1.3.2 Agama	19

1.4	Kemerosotan dan Kemuatan Peradaban Palestin	
1.4.1	Pembentukan Negara Israel	21
1.4.2	Sekatan Kebebasan	24
1.4.3	Diaspora Rakyat Palestin	25
1.5.	Kegagalan Palestin Mempertahankan Peradaban	28
1.5.1	Penentangan Secara Kekerasan	28
1.5.1.1	Kumpulan Fundamentalis Islam	28
1.5.1.2	Kumpulan Sekular	30
1.5.2	Pendekatan Perdamaian	33
1.6	Kesimpulan	35

## **BAB KEDUA : INTIFADAH DAN KEBANGKITAN RAKYAT PALESTIN**

2.1	Pengenalan	41
2.2	Definisi Intifadah	42
2.3	Kebangkitan rakyat Palestin	43
a)	fasa pertama	43
b)	fasa kedua	47
2.4	Era Baru Perjuangan Rakyat Palestin	
2.4.1	Revolusi Batu	53
2.4.2	Penonjolan Semangat Berdikari	55
2.4.3	Penyatuan Perjuangan	58
2.4.4	Penglibatan Gerakan Islam	60
2.4.5	Penglibatan Generasi Muda	63
2.4.6	Pendekatan Berani Mati	64
2.5	Kesimpulan	67

## **BAB KETIGA : INTIFADAH DAN WAWASAN PERADABAN PALESTIN**

3.1	Pengenalan	74
3.2	Tuntutan Peradaban Palestin	75
3.2.1	Penguasaan Baitulmaqdis	79
3.2.2	Pemulangan Pelarian	84
3.2.3	Tanah dan Penempatan	87
3.2.4	Penguasaan Air	90
3.2.5	Hak dan Kebebasan	93
3.3	Kesimpulan	98

## **BAB KEEMPAT: INTIFADAH DAN PROSES PEMBINAAN PERADABAN PALESTIN**

4.1	Pengenalan	104
4.2.	Bentuk Gerakan Intifadah	105
4.2.1	Hamas	105
4.2.1.1	Briged ‘Izz al Din al Qasam	111
4.2.2	Jihad Islam	113
4.2.3	Fatah	116
4.2.3.1	Tanzim	117
4.2.3.2	Brigade al Aqsa	119
4.2.4	PFLP	121

4.3	Proses Pembinaan Peradaban Palestin Melalui Intifada	
4.3.1	Serangan Berani Mati Serta Dorongannya	123
4.3.1.1	Jihad	124
4.3.1.2	Tradisi Menuntut Bela	129
4.3.1.3	Putus Harapan dan Pengembalian Maruah	130
4.4	Kesimpulan	132
<b>BAB KELIMA : INTIFADAH DAN REALITI DALAM PEMBINAAN PERADABAN PALESTIN</b>		
5.1	Pengenalan	140
5.2	Trauma Serangan WTC	141
5.2.1	Reaksi Negatif Kepada Intifadah Palestin	143
5.3	Penyingkiran Arafat	146
5.4	Kekebalan dan Penguasaan Yahudi	148
5.5	Kegagalan Pertubuhan Dunia	
5.5.1	Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu	152
5.5.2	Kesatuan Eropah	154
5.5.3	OIC	156
5.6	Kesimpulan	157
<b>KESIMPULAN</b>		162
<b>BIBLIOGRAFI</b>		166
<b>LAMPIRAN</b>		180

## **SENARAI KEPENDEKAN**

AS	-	AMERIKA SYARIKAT
EU	-	EUROPEAN UNION
FATAH	-	HIZB AL TAHRIR AL FILASTINI
HAMAS	-	HARAKAT AL MUQAWWAMA AL ISLAMIYYAH
OIC	-	ORGANIZATION OF THE ISLAMIC CONFERENCE
PA	-	PALESTINIAN AUTHORITY
PBB	-	PERTUBUHAN BANGSA-BANGSA BERSATU
PLO	-	PALESTINE LIBERATION ORGANIZATION
PFLP	-	POPULAR FRONT FOR THE LIBERATION PARTY
S.A.W	-	SOLLALLAH ‘ALAI HI WASALLAM
S.W.T	-	SUBHANAHU WATA’ALA
UNRWA	-	THE UNITED NATIONS RELIEF WORKS AGENCY’S
WTC	-	WORLD TRADE CENTRE

## TRANSLITERASI

<b>xrab</b>	<b>Huruf Rumi</b>	<b>Huruf Rumi</b>	<b>Huruf Arab</b>
—	—	—	—
b	z̤	ز	ظ
t	'	ع	ع
th	gh	غ	غ
j	f	ف	ف
h	q	ق	ق
kh	k	ك	ك
d	l	ل	ل
dh	m	م	م
r	n	ن	ن
z	w	و	و
s	h	ه	ه
sy	,	,	,
š	y	ي	ي
d̤	t̤	ة	ة
t̤			

## VOKAL

<b>Pendek</b>	<b>2. Panjang</b>	<b>3. Diftong</b>
— a	— ā	ع ا ي ay
— i	— ī	و ا و aw
, u	, ū	x

## **SENARAI PETA**


1. PETA 1 RANCANGAN PEMBAHAGIAN WILAYAH PALESTIN OLEH MANDAT BRITISH PADA TAHUN 1947
2. PETA 2 WILAYAH PALESTIN YANG DIDUDUKI YAHUDI SEJAK 1948 DAN 1967

## **SENARAI LAMPIRAN**

1. LAMPIRAN 1 SIRI PEMBUNUHAN BERAMAI-RAMAI RAKYAT PALESTIN OLEH YAHUDI
2. LAMPIRAN 2 RESOLUSI-RESOLUSI YANG DIKELUARKAN OLEH MAJLIS KESELAMTAN DAN PERHIMPUNAN AGUNG PBB MENGENAI PALESTIN
3. LAMPIRAN 3 JUMLAH PELARIAN PALESTIN SEHINGGA JUN 2003
4. LAMIRAN 4 GAMBAR-GAMBAR


# PETA 1

UN Partition Plan, November 1947



## PETA 2

### Wilayah Palestin Yang Diduduki Yahudi



# PENGENALAN

## 1. Latar Belakang Kajian

Istilah Yahudi, Zionis dan Israel meskipun mempunyai perbezaan dari sudut makna tetapi ia mempunyai pertalian yang cukup rapat dengan konflik yang berlaku di Palestin. Ini kerana ketiga-tiga istilah ini secara tidak langsung telah digunakan bagi menunjukkan kezaliman yang dilakukan terhadap penduduk Palestin. Yahudi sebenarnya adalah rujukan kepada bangsa, bahasa dan agama. Malah agama Yahudi adalah agama yang paling hampir dari segi akidah dan prinsip ajaran dengan agama Islam. Namun kesamaan ini bukanlah penyebab kepada Yahudi untuk bersikap toleransi kepada rakyat Palestin yang majoritinya menganut agama Islam. Ini kerana kebanyakan bangsa Yahudi ditunjangi dengan dasar Zionisme iaitu sebuah gerakan politik yang memperjuangkan penubuhan sebuah negara bagi bangsa Yahudi. Oleh itu, apabila tertegaknya sebuah negara Israel bagi bangsa Yahudi pada tahun 1948, maka ia adalah kejayaan terbesar buat penyokong zionis.

Dengan ini, permasalahan Palestin dengan Yahudi bukanlah merupakan satu perkara yang baru kerana ia telahpun menjangkau 55 tahun semenjak dari tahun 1948. Sungguhpun begitu, perintis konflik di antara keduanya telahpun berlaku pada tahun 1917 akibat daripada Perjanjian Balfour yang dibuat oleh British yang ketika itu menduduki Palestin, di mana perjanjian tersebut membolehkan kemasukan Yahudi secara terbuka dan tanpa sekatan. Kedatangan Yahudi yang berteraskan semangat Zionisme telah menyebabkan wujudnya penentangan daripada rakyat Palestin yang bertindak mempertahankan peradaban mereka.

Yahudi pula setelah bertapak kukuh di Palestin melalui penubuhan negara Israel serta penguasaan baki negara Palestin di Semenanjung Gaza dan Tebing Barat pada tahun 1967 semakin bebas melakukan pelbagai aksi kekejaman terhadap rakyat Palestin. Ini bagi memenuhi hasrat mereka untuk menghalau keluar semua rakyat Palestin dan membentuk sebuah negara Israel yang lebih besar seperti yang terkandung di dalam ajaran agama mereka. Kerana itu, rakyat Palestin sering dihina, disekat, diperlakukan seperti hamba, serta diseksual supaya mereka merasa tertekan di bawah penguasaan Israel.

Hasilnya, ramai rakyat Palestin telah menjadi pelarian akibat polisi Israel tersebut. Tanah, rumah serta harta benda rakyat Palestin telah dirampas dengan kejam oleh tentera Israel bagi memberi ruang kepada penempatan rakyat Israel. Dan sehingga kini, terdapat ramai pelarian Palestin terutamanya di negara-negara Arab yang masih tidak dibenarkan untuk pulang. Manakala yang menjadi pelarian di tanah Palestin hidup di dalam kesengsaraan berdasarkan tindakan kejam Israel.

Perjuangan untuk menuntut kembali hak mereka telah lama dilakukan oleh rakyat Palestin dan negara-negara Arab namun ia tidak memberi kesan kepada Israel. Setelah mengalami kekecewaan kerana kegagalan perjuangan tersebut serta sikap negara Arab yang tidak bersungguh-sungguh untuk membantu, maka rakyat Palestin telah mencetuskan satu suasana baru di dalam perjuangan menentang Israel iaitu melalui Intifadah. Kemunculan Intifadah telah memberikan kekuatan dan semangat baru kepada seluruh rakyat Palestin untuk menentang Israel dan membina semula peradaban bangsa mereka walaupun kekuatan senjata mereka adalah jauh lebih

rendah dengan hanya berbekalkan batu-batu, bom tangan buatan sendiri dan sebagainya.

Nyatanya perjuangan ini walaupun dilakukan tanpa bantuan negara-negara Arab dan hanya bermodalkan batu serta manusia melalui serangan berani mati yang dilakukan dengan aktif semenjak kebelakangan ini, tetapi ia telah berjaya menakutkan Israel. Kerana Intifadah, Israel bersetuju buat pertama kalinya untuk berdamai dengan Palestin melalui Perjanjian Oslo pada tahun 1993. Sungguhpun perjanjian ini telah dapat menghentikan keganasan daripada rakyat Palestin selama 7 tahun dengan terhentinya Intifadah, namun kerana kegagalan perjanjian ini jugalah yang menyebabkan rakyat Palestin menyambung semula Intifadah dan menolak sebarang rundingan dengan Israel.

Biarpun Israel sering membalaas perbuatan Intifadah dengan jauh lebih dahsyat namun ia tidak menakutkan rakyat Palestin. Tekanan yang diberikan oleh Israel kepada rakyat Palestin sebenarnya telah meningkatkan semangat mereka untuk terus melancarkan Intifadah kerana mereka menyedari hanya Intifadah yang mampu mengembalikan semula peradaban mereka. Ini kerana hanya Intifadah yang dapat menakutkan tentera Israel kerana ia tidak sahaja ditunjangi oleh semangat keagamaan bahkan juga oleh semangat nasionalisme. Tindakan Intifadah bagi mereka bukanlah tindakan keganasan bahkan hanya satu perbuatan mempertahankan diri serta hak milik mereka yang telah dicerobohi oleh pihak musuh.

## **2. Objektif Kajian**

Melalui penyelidikan dan kajian yang dijalankan, penulis berharap akan dapat mencapai beberapa objektif yang telah ditetapkan iaitu

1. Untuk mengetahui perkembangan gerakan rakyat Palestin setelah 55 tahun berjuang menuntut penubuhan sebuah negara yang berdaulat serta cuba melihat apakah keistimewaan Intifadah berbanding dengan siri penentangan lain terhadap Yahudi.
2. Mengkaji kewujudan pertembungan peradaban yang mencetuskan konflik dan bagaimana kedua-dua belah pihak cuba mempertahankan peradaban tersebut.
3. Mengkaji sifat dan perangai Yahudi yang tidak akan bertolak ansur terhadap rakyat Palestin melalui kegagalan siri-siri rundingan perdamaian dengan Palestin di samping melihat siapakan rakan penyubah Israel di dalam melakukan kegansaan terhadap rakyat Palestin.
4. Melihat bagaimana semangat cintakan agama dan tanah air telah mendorong seluruh rakyat Palestin bersatu padu menghadapi keganasan Yahudi walaupun berbeza bentuk gerakan.
5. Menilai sejauhmana gerakan Intifadah memberi hasil kepada rakyat Palestin untuk membina semula peradaban mereka serta apakah tekanan yang dihadapi oleh Yahudi akibat gerakan tersebut.

### 3. Skop Kajian

Dalam menjalankan kajian ini, penulis menyentuh mengenai beberapa perkara yang relevan dengan tajuk tersebut. Ini termasuk mengkaji sejarah lampau Yahudi dan Palestin untuk melihat bagaimana bermulanya konflik, di samping meninjau susur galur gerakan perjuangan sebelum Intifadah. Selain itu pemfokusan utama tentulah kepada kepada gerakan Intifadah yang merangkumi bila dan bagaimana terjadi, matlamatnya serta bentuk pendekatan yang diambil. Kajian ini turut memasukkan isu-isu terbaru yang berlaku kepada gerakan Intifadah terutamanya selepas berlakunya tragedi 11 September 2001.

### 4. Metodologi Penyelidikan

Berdasarkan tajuk kajian, penulis menggunakan kaedah kajian perpustakaan sepenuhnya untuk mendapatkan data-data. Data-data tersebut kemudiannya ditafsir serta dianalisis untuk dibuat satu kesimpulan. Penulis mendapatkan data-data tersebut daripada buku-buku monograf, tesis, jurnal, suratkhabar dan sumber-sumber daripada internet. Perpustakaan Utama Universiti Malaya, Perpustakaan Undang-Undang Universiti Malaya, Perpustakaan Negara Malaysia, Perpustakaan Awam Islam dan Perpustakaan Utama Universiti Islam Antarabangsa merupakan di antara perpustakaan yang penulis kunjungi untuk mendapatkan data-data tersebut. Walau bagaimanapun penggunaan kaedah kajian perpustakaan ini hanya menyediakan maklumat berbentuk teori sahaja.

## **5. Sistematika Penulisan**

Penulis membahagikan kajian kepada tiga bahagian iaitu bahagian Pendahuluan, bahagian teks dan akhir sekali bahagian hujung atau akhir.

Pada bahagian Pendahuluan, penulis menceritakan tentang skop kajian secara umum dengan menyentuh latar belakng kajian, obejktif kajian, metodologi yang digunakan, sistematika penulisan dan membuat kesimpulan ringkas.

Pada bahagian teks iaitu pada bab pertama, penulis menumpukan kepada sejarah latar belakang Palestin sebelum Intifadah termasuk mengkaji bagaimana bermulanya hubungan dengan Yahudi dan Palestin serta melihat apakah permasalahan yang wujud selepas itu. Turut disentuh ialah bagaimana bentuk gerakan yang di ambil oleh kumpulan-kumpulan perjuangan Palestin untuk menghadapi tentera Israel.

Pada bab kedua pula membicarakan secara khusus mengenai pergerakan Intifadah. Ia dimulakan dengan melihat apakah faktor pendorong yang mewujudkan gerakan tersebut serta apakah pembaharuan gerakan Intifadah berbanding dengan gerakan yang sebelumnya. Turut dibincangkan ialah mengapakah rakyat Palestin telah mencetuskan semula Intifadah setelah ia diberhentikan selama 7 tahun dan apakah keistimewaan Intifadah kali ini berbanding dengan yang sebelumnya.

Menerusi Bab ketiga, kajian ini menyentuh mengenai isu-isu peradaban Palestin yang telah hilang serta musnah di tangan Israel dan pengharapan kepada

Intifadah untuk mengembalikannya. Pada bab ini juga, penulis jelas memaparkan bagaimana sehingga kini beberapa isu peradaban Palestin masih belum dapat mencapai kata putus sekiranya berlaku perdamaian di antara kedua-dua belah pihak. Secara keseluruhannya bab ini memaparkan punca utama munculnya gerakan Intifadah tersebut adalah dikaitkan dengan isu peradaban Palestin.

Bab keempat pula mengupas bagaimana bentuk serta strategi perjuangan Intifadah yang menjadikan ia sebuah perjuangan massa. Beberapa kumpulan Intifadah yang aktif di dalam melancarkan serangan terhadap Israel telah diambil sebagai bahan kajian. Ia secara tidak langsung turut mengaitkan penglibatan seluruh rakyat Palestin dengan Intifadah bagi menentang Israel.

Pada bab kelima, penulis membincangkan bagaimana di dalam usaha kumpulan Intifadah untuk merealisasikan matlamat mereka, pelbagai halangan serta cabaran harus ditempuhi. Nyatanya mereka terpaksa bertindak sendirian. Sungguhpun pelbagai kutukan diberi kepada regim Zionis tetapi dari segi praktiknya tidak banyak bantuan diberikan kepada kumpulan Intifadah oleh badan antarabangsa. Bab ini juga turut memperlihatkan musuh yang dihadapi oleh Palestin bukan sahaja Israel tetapi juga membabitkan sekutunya seperti Amerika Syarikat.

Pada bahagian hujung iaitu bahagian akhir kajian ini, penulis merumuskan keseluruhan tajuk ini dan memberikan beberapa ulasan terhadap perkara tersebut.

## **6. Kesimpulan**

Mendasari kepada keseluruhan tajuk ini, ternyata kajian ini memaparkan kesungguhan usaha serta perjuangan rakyat Palestin untuk hidup bebas di tanahair mereka sendiri. Bahkan mereka yang menjadi satu-satunya bangsa yang sudah mempunyai nama negara tetapi masih ketiadaan sebuah negara akan terus melancarkan Intifadah sehingga matlamat mereka tercapai.